

KERTAS SIMPOSIUM
PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU
22-24 MEI, 2022

BAHASA MELAYU DAN PENGUKUHAN MELALUI UNDANG-UNDANG

DATUK PROFESOR MADYA DR. WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN
Pengasas Jurisprudens Watan
Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang

ABSTRAK

Bahasa melambangkan satu aspek jati diri dalam suatu bangsa berdaulat. Di Nusantara, Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantara bertaraf “lingua-franca” sejak ratusan tahun dahulu selewat-lewatnya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kedudukan Bahasa Melayu sungguhpun dijamin kukuh dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, sejak akhir-akhir ini dilihat semakin tidak diberi keutamaan sewajarnya dalam amalan seharian. Hasrat YAB Perdana Menteri Malaysia Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ASEAN meniupkan kembali semangat pejuang watan agar Bahasa Kebangsaan itu dimartabatkan di tempat sewajarnya di Malaysia. Kertas ini bertujuan untuk membicarakan dua sudut, iaitu bagaimana bahasa Istana dilihat dari aspek penguatkuasaan undang-undang pada zaman dahulu, serta pindaan yang perlu digubal ke atas Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Bahasa Istana diimbas sebagai satu ikhtiar kepentingan bahasa dalam penguatkuasaan undang-undang. Selaras dengan hasrat murni YAB Perdana Menteri Malaysia, belum terlewat untuk diusahakan agar Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 diperkasakan seiring pindaan untuk menaiktaraf Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah pihak berkuasa Bahasa yang berwibawa. Inisiatif ini sudah pasti dapat mengukuhkan Kembali jati diri warganegara Malaysia kerana bahasa itu adalah jiwa bangsa.

Kata kunci: jati diri, Perkara 152, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959, pihak berkuasa bahasa.

PENGENALAN

Ungkapan popular, “Bahasa jiwa bangsa” mempunyai falsafah tersendiri yang menyimpulkan banyak panduan dan iktibar dalam pengenalan, amalan adab budaya serta jati diri kumpulan etnik mahupun bangsa berdaulat. Itulah hakikat pentingnya suatu bahasa.

Bahasa Melayu seperti laras hari ini sudah digunakan sejak ratusan mungkin ribuan tahun dahulu walaupun tidak kesemua sama dan ada sudut perbezaannya. Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi bahkan berbentuk pendidikan dan undang-undang yang mengawal tadbir urus yang baik dalam masyarakat tempatan. Masyarakat secara tidak langsung menghormati undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh institusi pemerintah melalui bahasa yang mereka fahami.

ISU KAJIAN

Kertas ini dihadkan untuk membicarakan dua perkara. Pertama, bagaimana fungsi bahasa Istana dalam zaman dahulu dari aspek penguatkuasaan undang-undang. Pemerhatian tersebut penting sebagai iktibar serta untuk menunjukkan betapa bahasa memainkan peranan yang cukup besar dari aspek penguatkuasaan undang-undang termasuklah pendidikan sosial. Kedua, pindaan yang perlu dilakukan ke atas Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Cadangan ini penting untuk memenuhi hasrat YAB Perdana Menteri seperti dilaporkan media.

BAHASA ISTANA DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Bahasa Istana tidak dapat dipisahkan dengan adat Melayu. Menurut WAFW Husain (2020: 22), *“adat Melayu adalah apa yang ditakrifkan sebagai adab budaya dan undang-undang pada hari ini selain daripada hukum hakam seperti diwahyukan dalam al-Qur'an dan al-Sunah; merangkumi sistem, peraturan, etos dan nilai yang tidak bercanggah dengan prinsip perundangan Islam seperti diwarisi daripada amalan masyarakat dan Kerajaan Melayu pada masa silam.”*

Adat Melayu di Tanah Melayu secara umumnya berevolusi daripada Hukum Kanun Melaka yang merupakan adat Melayu sekaligus undang-undang bertulis selewat-lewatnya sejak tahun 1424. Hukum Kanun Melaka berkembang dengan berlandaskan prinsip perundangan Islam yang mewarnai sistem politik, undang-undang malah mengandungi hukum Syarak. Asal usul Hukum Kanun Melaka dinyatakan dalam versi yang ditransliterasi oleh Profesor Dr Liaw Yock Fang daripada

versi Biblioteca Apostolica Vaticana, “Adapun ketahuilah olehmu akan adat ini turun temurun daripada zaman Sultan Iskandar Zulqarnain datang sekarang, maka adalah ia itu akan teladan dan akan ganti raja pada hal memerintah segala adat tuannya atas segala menteri itu, maka atas dihimpunkan hukum ini atas sembilan hukum dan fasal.” (Liaw Yock Fang, 2003: 107-108).

Hukum Kanun Melaka turut menyebut tentang penggunaan bahasa yang dikhkususkan buat raja pemerintah seperti dalam peruntukan, “*Fasal yang kedua pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja lima perkara yang tiada dapat kita menurut kata ini melainkan dengan titah tuan juga. Pertama titah, kedua berpatik, ketiga murka, keempat karunia, kelima anugeraha. Maka segala kata ini tiada dapat kita berkata lagi-lagi. Adapun akan dihukum padanya demikian itu. Jikalau hamba raja dibunuuh, jikalau orang lain digocoh [Jika berkata demikian itu]. Adapun berpatik atau bertitah atau murka itu tiadalah dapat berkata lagi pada seseorang pun melainkan bahasa itu tertentu pada raja juga. Adapun jikalau seseorang dianugerah sebuah negeri atau sungai, itu pun tiada harus berpatik dan bertitah dan murka melainkan dengan nama anugerah titah tuannya juga maka dapat. Adapun jikalau tiada dengan nama anugerah itu dibunuuh hukumnya itu. Demikian lagi pada hukum menjunjung duli itu pun dibunuuh, jikalau tiada dengan anugerah itu. Demikian lagi berbuat surat titah itu. Demikianlah adat kita itu kepada tuannya supaya bermulia tuannya. Itulah hukum kanun itu.*” (Liaw Yock Fang, 2003: 108-109)

Tegahan terhadap penggunaan lima perkataan iaitu titah, berpatik, murka, kurnia dan anugerah juga terkandung dalam Hukum Kanun Pahang versi Muzium Negeri Pahang yang diselenggarakan oleh Yaakub Isa. Tegahan tersebut terkandung dalam Fasal kedua Hukum Kanun Pahang yang berbunyi, “*Adapun Bahasa itu lima perkara yang tiada harus dikata oleh orang yang lain daripada raja-raja itu. Pertama titah, kedua patik, ketiga murka, keempat kurnia, kelima anugerah. Maka adapun di rumah [a-n-n-y] kampong dan balai sendiri dapatlah berkata-kata dengan itu. Jika tiada, dibunuuh hukumnya dari kerana bahasa itu tiadalah dapat laku pada seorang ju pun yang lain daripada raja-raja itu. Dan demikian lagi, jika seseorang dianugerah raja sesebuah negeri anak sungai, maka tiada harus orang sungai itu berkata lima perkara itu. Jikalau dikatanya demikian itu, atau menjunjung duli atau buat surat itu berkata lima perkara itu, maka dibunuuh hukumnya.*” Yaakub Isa (2003: 107).

Terdapat tegahan lain selain daripada bentuk penggunaan bahasa tersebut, iaitu jika sekiranya berlaku penyerupaan bentuk adat berpakaian seorang raja seperti

warna kuning, kain yang nipis lagi jarang, hulu keris emas seperti merubi dan bawang sebongkol serta adat berpayung, puwadai juga menabur dirham ketika berlaku kematian. Dirham adalah mata wang perak.

Hukuman yang begitu keras dikenakan bagi sesiapa yang menggunakan lima perkataan tersebut termasuklah tegahan lain di atas selain daripada raja dan mereka yang dibenarkan berbuat sedemikian mempunyai asas kukuh. Kesemua lima perkataan tersebut menggambarkan bagaimana kuasa pemerintahan dilaksanakan juga sifat khusus seorang raja di sisi adat Melayu yang dinyatakan, “*adapun segala raja-raja itu atas empat perkara. Pertama ampun, kedua murah, ketiga perkasa, keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya.*” (Liaw Yock Fang, 2003: 108).

Perkataan “titah, berpatik dan murka” membayangkan bagaimana sistem pemerintahan yang berpaksi pada kedaulatan raja, sistem kerajaan, kesetiaan rakyat dan ketegasan dalam penguatkuasaan undang-undang. Secara khususnya, titah boleh membawa maksud arahan kerajaan dan suatu undang-undang yang diperkenankan oleh raja. Berpatik membawa maksud seorang yang bersetia sebagai rakyat raja dan kepada kerajaannya. Murka adalah hak yang terletak pada seorang raja untuk menjatuhkan hukuman yang wajar apabila suatu arahan atau undang-undang kerajaan dilanggar.

Manakala perkataan kurnia dan anugerah pula melambangkan prerogatif Diraja, kebesaran kerajaan serta dasar berkebajikan raja pemerintah demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Misalnya, kurnia merupakan hak seorang raja untuk memperkenan sesuatu pemberian daripada milik kerajaan termasuklah gelaran dan pangkat kebesaran kepada seseorang. Anugerah pula merupakan suatu yang dikurniakan oleh baginda yang tidak ada pada rakyat.

Di samping itu, tegahan tersebut dapat mengelakkan berlakunya penyamaran yang boleh menggugat institusi beraja dan perpaduan rakyat oleh mereka yang mempunyai muslihat tertentu. Jika sekiranya perkataan tersebut digunakan tanpa perkenan Diraja berserta penggunaannya secara tersurat dan amalan menjunjung duli, tentu sudah berlaku penderhakaan kerana layanan sedemikian menyaingi kedudukan seorang raja pemerintah di dalam wilayah kekuasaan baginda.

Perkataan “menjunjung duli” merujuk perbuatan meletakkan kedua-dua belah tangan rapat ke dahi sendiri sebagai tanda penghormatan tertinggi kepada seorang raja serta lambang sifat taat setia rakyat untuk berkhidmat sepenuh hati. Lantaran hukuman bunuh bukanlah suatu yang tidak wajar untuk mencegah daripada

berlakunya anarki sesuai dengan keadaan ketika itu. Adat seperti di atas terjumlah dalam pendidikan sosial yang sebatی dalam masyarakat tradisional ketika itu.

Pada hari ini, tegahan seperti di atas begitu juga hukumannya tidak lagi dikuatkuasakan. Hal ini mungkin berlaku kerana kini seorang raja lebih mudah dikenali berbanding pada zaman dahulu. Pengenalan pada diri seorang raja tidak terhad pada bahasa Istana. Pada sisi lain, pelbagai undang-undang sudah dikuatkuasakan untuk mengatur urusan pentadbiran secara sistematik.

PINDAAN KE ATAS AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 digubal selaras dengan kedudukan Bahasa Melayu di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Dalam Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan tidak diperuntukkan kesalahan serta dinyatakan hukuman bagi pelanggarannya. Walaubagaimanapun, peruntukan Perkara 152 memberikan punca kuasa yang cukup bagi maksud pemeliharaan kedudukan istimewa Bahasa Melayu dan tadbir urus penguatkuasaan melalui penggubalan undang-undang persekutuan.

Perkara 152(1) menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen dengan syarat:

- (1) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (2) tiada apa-apa juga dalam Fasal ini boleh menjelaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Maksud rasmi ditakrifkan oleh Perkara 152(6) sebagai apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam. Pada sisi yang sama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masih diberikan kuasa seperti dinyatakan oleh perenggan (2) Perkara 152(1) untuk membuat pengecualiaan wajar bagi memelihara, meneruskan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia.

Akta Bahasa Kebangsaan dan apa-apa jua undang-undang persekutuan yang menyentuh Bahasa Melayu adalah tertakluk pada kuasa yang diberikan oleh Perkara 152, termasuklah jaminan yang diperuntukkan kepadanya.

Pindaan utama yang perlu diperuntukkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan adalah mewujudkan kewajipan buat Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan Bahasa kebangsaan selari dengan jaminan istimewa yang diberikan oleh Perkara 159(5) iaitu tiada pindaan boleh dibuat ke atas Perkara 152 tanpa mendapat kebenaran Majlis Raja-Raja. Kewajipan tersebut termasuklah untuk membuat arahan am bagi maksud untuk memelihara amalan Bahasa Kebangsaan termasuklah mengadakan pengecualian yang perlu.

Pindaan lain termasuklah menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pihak berkuasa utama bahasa selepas Yang di-Pertuan Agong, peruntukan kesalahan dan syarat kelulusan pemaparan iklan, papan tanda dan penamaan yang memerlukan perakuan Dewan Bahasa dan Pustaka.

PINDAAN KE ATAS AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 1959

YAB Perdana Menteri telah memberi komitmen Kerajaan untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu, iaitu Bahasa Kebangsaan kita. Pindaan yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri bertujuan untuk memberikan kuasa penguatkuasaan kepada Dewan Bahasa Pustaka terhadap kesalahan bahasa.

Sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri, pindaan ke atas Akta Dewan Bahasa dan Pustaka perlu dilaksanakan untuk meletakkan kedudukannya sebagai pihak berkuasa bahasa utama selepas Yang di-Pertuan Agong.

Peruntukan berkaitan kuasa penguatkuasaan seperti yang diberikan kepada ejensi Persekutuan lain perlu dimasukkan dalam pindaan tersebut. Untuk membolehkan suatu kesalahan diwujudkan maka pindaan tersebut perlu menimbangkan penggubalan peraturan yang memberi fungsi kuasa kawalselia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fungsi kuasa kawal selia termasuklah tadbir urusnya yang selari dengan matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka perlu diwujudkan seperti pelesenan fungsi dan aktiviti. Ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan polisi Dewan Bahasa dan Pustaka seperti kursus munysi bahasa dalam kapasiti yang lebih besar. Tadbir urus lain seperti perakuan amalan bahasa yang mematuhi kehendak Akta Bahasa

Kebangsaan, pentauliahan bagi munshi bahasa contohnya, dan pengiktirafan bagi aspek akreditasi dan penarafan boleh diberikan pertimbangan sewajarnya untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul.

Pendekatan tersebut dapat mengukuhkan bukan sahaja fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka malah kedudukan Bahasa Melayu itu sendiri.

GAGASAN KESIMPULAN

Berdasarkan pemerhatian di atas dapatlah disimpulkan bahawa bahasa memainkan peranan yang penting sejak zaman sebelum Merdeka yang tidak terbatas kepada alat komunikasi dan pendidikan.

Undang-undang sedia ada berkaitan hal ehwal Bahasa Kebangsaan masih belum cukup untuk memartabatkan kedudukannya selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan refleksi kepada “Bahasa Jiwa Bangsa”. Pindaan ke atas Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 perlu dibuat dengan memberi pertimbangan kepada cadangan seperti di atas.

Penggubalan undang-undang perlu dilaksanakan untuk mencapai maksud yang dicadangkan pada peringkat pindaan akta-akta sedia ada, atau secara alternatifnya menggubal suatu akta baharu buat Dewan Bahasa dan Pustaka untuk meningkatkan tarafnya sebagai pihak berkuasa bahasa.

Bibliografi

- Liaw Yock Fang, 2003. Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2020. Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan. Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2022. Bahasa Istana dalam undang-undang bertulis. Dewan Sastera, Edisi Mei.
- Yaakub Isa, 2003. Hukum Kanun Pahang, Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.